



SIARAN MEDIA

MALAYSIA FOREST FUND

PERTANDINGAN YOUNG ENVIRONMENTAL JOURNALIST 2025 KEMBALI

Suara Belia Demi Alam Sekitar

Kuala Lumpur, 2 September 2025 – Seiring dengan aspirasi Kerajaan MADANI dalam memperkasa agenda kelestarian alam sekitar dan penyertaan belia, Malaysia Forest Fund (MFF) dengan kerjasama Youth Environment Living Labs (YELL) dan Green Growth Asia Foundation (GGAF) melancarkan Pertandingan *Young Environmental Journalist (YEJ) 2025*. Pertandingan ini sedang berlangsung dan akan tamat pada 19 Oktober 2025 dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Bertemakan “**Saving Nature, Saving Our Food and Water**”, pertandingan ini menekankan kepentingan hutan dan ekosistem semula jadi dalam menjamin keselamatan makanan serta sumber air bersih, di samping memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan flora dan fauna, serta kelestarian kepelbagaian biodiversiti di Malaysia mahupun di peringkat global.

MENYEMAI KESEDARAN ALAM SEKITAR DI KALANGAN BELIA

Pertandingan ini memberi peluang kepada belia Malaysia untuk menyalurkan pandangan, idea serta kreativiti melalui penghasilan video pendek. Melalui medium media sosial, peserta dapat menyuarakan isu-isu berkaitan alam sekitar dengan lebih dekat kepada masyarakat umum. YEJ 2025 menonjolkan beberapa keunikan, antaranya:

- Penyertaan inklusif – terbuka kepada semua rakyat Malaysia dengan penggunaan Bahasa Malaysia atau Inggeris. Penggunaan dialek lain adalah digalakkan; namun, sebarang penyertaan dalam dialek mestilah disertakan dengan sarikata dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris.
- Pembangunan kapasiti – peserta akan mendapat latihan dan bimbingan melalui bengkel dalam talian yang dianjurkan oleh YELL dan GGAF. Bengkel ini memberi pendedahan tentang cara menghasilkan video yang berkualiti,

melakukan penyelidikan yang menyeluruh serta teknik penyampaian yang berkesan sebelum peserta menghasilkan video untuk pertandingan.

- Keaslian dan kreativiti – setiap video digalakkan mempunyai sentuhan peribadi sama ada melalui kemunculan peserta, rakaman suara latar atau gaya penyampaian tersendiri.
- Hadiah menarik – wang tunai bernilai sehingga RM3,000 menanti pemenang.

Pada tahun 2024, Pertandingan Young Environmental Journalist telah dianjurkan dengan kolaborasi Kelab Belia Prihatin, bertemakan “*Protector of the Canopy – Safeguarding Our Forest Legacy*” yang menekankan peranan masyarakat dalam melindungi hutan. Antara pemenang utama ialah Muhammad Nidhal bin Mohamad Syazwan, yang memenangi RM5,000.00 bagi Kategori A (17 tahun ke bawah) serta Looi Kai Bin, yang memenangi RM7,000.00 bagi Kategori B (18 tahun ke atas).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MFF, Dato’ Mohamed Shah Redza bin Hussein “Pertandingan ini bukan sahaja mengasah kemahiran komunikasi, kewartawanan dan penciptaan kandungan atau cerita dalam kalangan belia, malah mendidik mereka tentang hubungan rapat antara kelestarian alam sekitar dengan kehidupan seharian kita. Inilah semangat MADANI, Kemampanan dan Ihsan, yang ingin kita tanamkan dalam generasi muda.”

SERUAN PENYERTAAN

Malaysia Forest Fund mengalu-alukan penyertaan belia Malaysia dalam Pertandingan Young Environmental Journalist 2025. Platform ini bukan sahaja memberi peluang untuk berkongsi idea dan kreativiti, malah menjadi medan penting untuk melahirkan generasi belia yang berpengetahuan, peka dan berperanan sebagai duta muda alam sekitar negara.

Untuk maklumat lanjut dan penyertaan, sila layari platform media sosial rasmi **@malaysiaforestfund** atau imbas kod QR yang tertera pada poster rasmi pertandingan.

Malaysia Forest Fund
2 September 2025

